

HARI : SABTU
TARIKH : 10/8/2019
M/SURAT : 16

RON97 turun 5 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun lima sen seliter iaitu daripada RM2.54 kepada RM2.49, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter berkuat kuasa jam 12 tengah malam tadi.

Kementerian Kewangan menerusi kenyataan berakta, harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh hari ini hingga 16 Ogos depan adalah berdasarkan penepatan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

Selain itu, menurut kenyataan itu, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan dalam tempoh 10 hingga 16 Ogos berjumlah RM59.28 juta.